

TARIKH	26 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	13	RUANGAN	setempat

Harga murah sedap pula

Jemaah haji berpuas hati dengan perkhidmatan kafeteria di Kompleks Tabung Haji

>>Oleh Sharifah Norfaezah
Wan Ahmad Makki Mashor

norfaezah@metro.com.my

PETALING JAYA: "Kafeteria disediakan sangat selesa bagi jemaah di sini kerana tidak sesak dan makanan pula sentiasa panas," kata jemaah haji, Mat Nor Dar yang ditemui di Kompleks Tabung Haji, Kelana Jaya, di sini.

Mat Nor, 58, yang tinggal bersama isteri, Siti Basah Ibrahim, 54, di asrama di kompleks itu berkata, dia berpuas hati dengan perkhidmatan makanan disediakan kerana juadah di situ bukan saja sedap, malah sentiasa digantikan.

"Saya dan isteri sangat selesa dengan apa yang ditawarkan di sini kerana kami tidak perlu bersusah payah mencari tempat penginapan di luar dengan harga tidak diketahui jaminannya.

"Bukan saja lauk murah, malah yang penting kebersihan diamalkan pengusaha

restoran ini," katanya.

Sementara itu, Siti berkata, harga ditetapkan bagi makanan dan minuman berpatutan dan tidak membebankan jemaah haji di sini.

"Setakat ini saya suka dengan suasana di sini. Bukan saja penginapan yang selesa, malah kebajikan seperti makanan dan minum juga terjaga," katanya.



MAT NOR...puas hati

